

Semua yg di bawah Persisi anggota Macu

19 DEC 1978

masuk silat

5

KESEMUA sepuluh buah badan yang kini bergabung dengan Persatuan Seni Silat Singapura (Persisi), merupakan badan-badan silat yang berdaftar dengan Unit Kawalan Seni Mempertahankan Diri (Macu).

Demikian ditegaskan oleh seorang jurucakap Persisi, semalam sambil berkata bahawa kesepuluh buah badan itu bersama dua buah badan lain yang turut menjalankan kegiatan senisilat tetapi tidak bergabung dengan Persisi, merupakan badan-badan yang menyediakan pelajaran-pelajaran senisilat di sini.

Sementara itu, sebuah badan lagi yang baru dibentuk, iaitu Perkumpulan Senisilat Esha, dijangka merupakan badan senisilat terbaru yang akan mendaftarkan nama di bawah Macu dan bergabung dengan Persisi.

Kesepuluh buah badan silat yang menjadi anggota Persisi dan berdaftar dengan Macu itu ialah:

Tak daftar

Perwanit, Pasak, Persatuan Bawean Singapura, Himpunan Queenstown, Pertapis, Perpensis, Badan Islam Melayu Singapura, Persekutuan Seni Budaya Gamelan Singapura, Persatuan Kemuning Singapura dan Alhak Singapura.

Sementara itu, dua buah badan lain yang turut mempunyai kegiatan senisilat tetapi tidak berdaftar dengan Persisi ialah Persatuan Rakyat dan Muhammadiyah Singapura.

Kedua-dua buah badan ini tidak bergabung dengan Persisi kerana senisilat hanya merupakan sebahagian kecil dari kegiatan yang mereka anjurkan.

Seorang jurucakap Macu menjelaskan semalam bahawa kesemua sepuluh buah badan silat yang berdaftar dengannya itu mempunyai seramai 21 orang guru silat.